

11 FEB 2000

KENG YAIK AKAN TEMUI PM MENGENAI ISU GERAKAN

PULAU PINANG, 11 Feb (Bernama) -- Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik dijangka menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk memberi taklimat berhubung pergolakan dalaman partinya.

Lim berkata dalam pertemuannya itu nanti, beliau akan menjelaskan kesemua masalah dalaman parti termasuk masalah "broker kuasa" dan isu keluar parti oleh anggota dewan undangan negeri dan anggota parti itu kepada Perdana Menteri selaku pengerusi Barisan Nasional (BN).

Beliau bagaimanapun tidak menyatakan tarikh pertemuan itu akan diadakan.

"Saya tahu ramai Adun Gerakan ditawarkan bayaran yang lumayan supaya meninggalkan parti oleh pihak-pihak tertentu dan ada juga "orang luar" dari parti cuba menjalin hubungan dengan "broker kuasa" bagi melemahkan Gerakan," katanya pada para pemberita selepas menghadiri majlis sambutan Tahun Baru Cina anjuran Gerakan Bahagian Jelutong di sini, hari ini.

Baru-baru ini dua Adun Gerakan masing-masing Adun kawasan Datuk Keramat, Lim Boo Chang dan Bayan Lepas, Lim Chien Aun mengambil keputusan keluar parti, tiga hari selepas pilihan raya umum pada 29 Nov lepas.

Boo Chang dan Chien Aun kini menyertai MCA.

Lim berkata selain itu, dua anggota parti turut disingkir dan menjangka ramai lagi akan dikenakan tindakan disiplin.

Lebih 1,000 orang menghadiri majlis itu.

-- BERNAMA

ner zb